



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN KEMUDAHAN PENGANGKUTAN AWAM SEMPENA SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-47 DAN SIDANG-SIDANG KEMUNCAK BERKAITAN

Kerajaan MADANI melalui **Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)** mengambil langkah proaktif dan menyeluruh bagi memastikan kelancaran pergerakan orang ramai serta delegasi antarabangsa sempena **Sidang Kemuncak ASEAN ke-47, Sidang-Sidang Kemuncak Berkaitan**, serta program-program sokongan yang akan berlangsung dari **26 hingga 28 Oktober 2025** di Kuala Lumpur.

Sebagai langkah persediaan, **Rapid KL** akan mempertingkatkan kemudahan pengangkutan awam termasuk melanjutkan operasi tren semasa waktu puncak, menambah kekerapan perjalanan, menempatkan kakitangan tambahan di stesen utama serta mempertingkatkan pemantauan operasi sepanjang tempoh berkenaan.

Langkah ini sejajar dengan usaha Kerajaan MADANI untuk menyediakan sistem pengangkutan awam yang **lebih mudah, cekap dan tangkas**, selaras dengan prinsip **ihsan dan kesejahteraan rakyat** dalam gagasan Malaysia MADANI.

Selain itu, pelaksanaan penambahbaikan ini turut dilaksanakan bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam berikutan pelaksanaan **lencongan dan penyuraian jalan raya secara berperingkat** oleh pihak berkuasa di beberapa laluan utama masuk dan keluar ibu negara sepanjang tempoh sidang kemuncak.

PERKHIDMATAN REL RAPID KL

Bermula **27 hingga 28 Oktober 2025**, operasi perkhidmatan rel Rapid KL akan dilanjutkan **selama satu (1) jam** pada waktu puncak pagi dan petang.

Waktu Puncak Hari Biasa	Waktu Puncak Sempena Sidang ASEAN
--------------------------------	--

7.00 pagi – 9.30 pagi	6.30 pagi – 10.00 pagi
-----------------------	------------------------

5.00 petang – 7.30 malam	4.30 petang – 8.00 malam
--------------------------	--------------------------

Kekerapan tren pada **25 dan 26 Oktober 2025 (Sabtu & Ahad)** turut dipertingkatkan bagi menampung jumlah penumpang yang dijangka meningkat.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Laluan	Kekerapan Tren (Hari Biasa)	Kekerapan Tren (Sempena Sidang ASEAN)
Ampang / Sri Petaling	Mengikut jadual biasa (5 minit Daerah Pusat Perniagaan), dengan pemantauan tambahan	
Kelana Jaya	7 minit	5 minit
Monorel	10 minit	8 minit
Kajang	Mengikut jadual biasa (10 minit), dengan pemantauan tambahan	
Putrajaya	Mengikut jadual biasa (10 minit), dengan pemantauan tambahan	

Rapid KL juga akan menggerakkan **tren tambahan** sekiranya berlaku peningkatan jumlah penumpang atau mengikut keperluan operasi semasa. Seramai **400 kakitangan tambahan** akan ditempatkan di stesen utama bagi membantu melancarkan pergerakan pengguna dan delegasi ASEAN.

PERKHIDMATAN BAS & RAPID KL ON-DEMAND

Beberapa laluan bas dijangka mengalami kelewatan perjalanan susulan penutupan jalan di sekitar pusat bandar, termasuk:

- Laluan 402 (LRT Titiwangsa – LRT Maluri)
- Laluan 302 (LRT Titiwangsa – KLCC)
- Laluan 300 (Hab Pandan Indah – Lebuhraya Ampang)
- Laluan 303 (Taman Mulia Jaya – Lebuhraya Ampang)
- Rapid KL On-Demand (Zon Titiwangsa – Chow Kit)
- Rapid KL On-Demand (Zon CBD)

Pengguna yang menuju ke **KLCC dan kawasan sekitarnya** disaran menggunakan perkhidmatan rel sebagai alternatif. Antara stesen rel berdekatan ialah:

- **Stesen KLCC** (Laluan Kelana Jaya)
- **Stesen Persiaran KLCC** (Laluan Putrajaya)
- **Stesen Raja Chulan** (Monorel KL)
- **Stesen Conlay** (Laluan Putrajaya)
- **Stesen Bukit Bintang** (Laluan Kajang dan Monorel KL)





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

PERKHIDMATAN KTM KOMUTER BEROPERASI SEPERTI BIASA

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) memaklumkan bahawa perkhidmatan KTM Komuter Lembah Klang akan beroperasi mengikut jadual sedia ada bagi laluan Pulau Sebang – Batu Caves – Pulau Sebang dan Tanjung Malim – Pelabuhan Klang – Tanjung Malim.

Tiket tren boleh dibeli melalui laman sesawang KTMB atau aplikasi KTMB Integrated Ticketing System (KITS).

PERKHIDMATAN EXPRESS RAIL LINK (ERL)

Perkhidmatan KLIA Ekspres akan beroperasi seperti biasa dengan penambahan kekerapan tren bagi memastikan kelancaran perjalanan para delegasi Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 serta penumpang yang menuju ke dan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (Terminal 1 dan Terminal 2).

Bagi perkhidmatan KLIA Transit, tren tambahan akan disediakan pada jam 1.00 pagi dari KLIA Terminal 2 menuju ke KL Sentral. Jadual perjalanan KLIA Ekspres dan KLIA Transit bagi tempoh 22 hingga 28 Oktober 2025 turut dikemas kini bagi menampung peningkatan jumlah penumpang sepanjang tempoh tersebut.

Orang ramai digalakkan merancang perjalanan lebih awal serta merujuk jadual terkini melalui laman web rasmi KLIA Ekspres atau aplikasi mudah alih bagi menikmati pengalaman perjalanan yang lancar dan selesa.

MAKLUMAT RINGKAS PERKHIDMATAN

KLIA Ekspres

- 9.00 pagi – 9.00 malam: Setiap 15 minit
- Sebelum 9.00 pagi: Setiap 20 minit
- Selepas 9.00 malam: Setiap 20 minit

KLIA Transit

- Perkhidmatan tren tambahan pada 1.00 pagi dari KLIA Terminal 2 ke KL Sentral





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SARANAN KEPADA ORANG AWAM

Rapid KL dan KTMB turut memberi jaminan bahawa kesemua aset dan kemudahan pengangkutan awam berada dalam keadaan baik serta bersedia sepenuhnya bagi menampung peningkatan jumlah penumpang sepanjang Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 dan Sidang-Sidang Kemuncak Berkaitan.

Orang ramai dinasihatkan untuk **merancang perjalanan lebih awal, mengikuti maklumat terkini** melalui saluran rasmi **media sosial Rapid KL** atau **aplikasi PULSE**, serta mempertimbangkan penggunaan perkhidmatan rel bagi mengelakkan sebarang kesulitan.

MOT menyeru warga kota untuk memanfaatkan sepenuhnya kemudahan pengangkutan awam bagi memudahkan pergerakan ke kawasan tumpuan dan menyumbang kepada kelancaran trafik sepanjang **Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 dan Sidang-Sidang Kemuncak Berkaitan**.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
22 OKTOBER, 2025

-TAMAT-

TENTANG MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

PERTANYAAN MEDIA

Unit Komunikasi Korporat

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar) +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)

E-mel sua@mot.gov.my / unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

